



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA**

**MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1988**

**PERLANTIKAN KETUA EKSEKUTIF BADAN-BADAN BERKANUN**

Adalah dimaklumkan Kerajaan telah memutuskan supaya lantikan Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun tidak lagi dibuat melalui perlantikan secara tetap atau kenaikan pangkat. Perlantikan tersebut hendaklah dibuat mengikut cara-cara seperti berikut:

*(a) Lantikan Secara Pinjaman*

Lantikan secara pinjaman boleh dibuat bagi calon-calon daripada agensi lain dalam perkhidmatan awam untuk sesuatu tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya perkhidmatan pegawai berkenaan tidak diperlukan lagi, beliau boleh diarahkan untuk kembali ke jawatan atau perkhidmatan asal. Sebaliknya, jika perkhidmatannya masih diperlukan, perlanjutan tempoh pinjaman boleh dibuat mengikut tempoh masa yang diperlukan.

*(b) Lantikan Secara Kontrak*

Lantikan secara kontrak adalah terbuka kepada calon-calon daripada sektor swasta, orang perseorangan ataupun pesara daripada perkhidmatan awam. Perkhidmatan kontrak ini juga adalah untuk sesuatu tempoh yang telah ditetapkan. Syarat-syarat kontrak akan menyatakan bahawa perkhidmatan seseorang itu boleh ditamatkan dengan memberi notis yang cukup daripada kedua-dua belah pihak. Sekiranya perkhidmatan pegawai berkenaan masih lagi diperlukan, perlanjutan atau pembaharuan kontrak boleh dibuat mengikut tempoh yang diperlukan.


*(c) Lantikan Secara Tukar Sementara*

Pegawai daripada badan berkanun itu sendiri tidak boleh dinaikkan pangkat dan mengisi jawatan Ketua Eksekutif secara tetap tetapi boleh dilantik secara pertukaran sementara. Semasa tempoh pertukaran sementara ini berjalan, satu jawatan tambahsantara yang bersesuaian dengan jawatan hakiki pegawai hendaklah diwujudkan bagi menjamin hak-hak perkhidmatannya. Jika perkhidmatannya tidak diperlukan lagi, ianya hendaklah disarakan. Walau bagaimanapun, untuk menjamin bahawa beliau tidak akan mengalami apa-apa kerugian, pemberian faedah

persaraan di atas tanggagaji jawatan Ketua Eksekutif boleh dilakukan dengan syarat pegawai itu ditukar tetap terlebih dahulu ke jawatan Ketua Eksekutif sekurang-kurangnya satu hari sebelum tarikh persaraan berkuatkuasa dan ianya mestilah telah berkhidmat sekurang-kurangnya satu tahun sebagai Ketua Eksekutif secara pertukaran sementara.

2. Setiap perlantikan, sama ada secara pinjaman, kontrak atau tukar sementara, hendaklah disertakan dengan syarat-syarat perlantikan yang jelas. Panduan mengenai syarat-syarat perlantikan ini bolehlah didapati daripada Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



TAN SRI DATO' ALWI JANTAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

*6hb Julai, 1988*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Suruhanjaya Perkhidmatan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.